



OLEH NURUL NADIA MOHD
KAMARUZAMAN
nadiazaman@bharian.com.my

Berpegang teguh kepada prinsip menyediakan perkhidmatan pendidikan berkualiti kepada pelajar, warga Sekolah Sultan Alam Shah (SAS), Putrajaya akan memastikan mereka melakukan yang terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan akademik dan kokurikulum.

Status Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) yang diterima daripada Kementerian Pelajaran adalah satu amanah yang harus dipikul semua pihak supaya sama-sama bekerja keras untuk terus cemerlang.

Sekolah yang memulakan operasinya pada 1963 itu juga tersenarai antara 20 sekolah terbaik negara dan sering mewakili negara dalam pelbagai acara, antaranya pertandingan robotik,



Pasukan robotik SAS bertungkus lumus menyiapkan model robot untuk dibawa ke pertandingan.

SAS Harumkan Negara di Peringkat Antarabangsa

Model Kereta Formula One (F1), ragbi, mendayung dan orkestra.

Guru Penolong Kanan Akademik SAS, Roslan Hassan, berkata kebanyakan pertandingan yang disertai sekolahnya memenangi anugerah, sekali gus mengharumkan nama negara.

Katanya, tahun ini saja SAS memenangi tempat pertama Asia Pasifik dan kedua di Melbourne, Australia dalam penghasilan robotik.

"Selama dua tahun SAS mewakili negara ke United Kingdom, England dalam penghasilan model mini F1 dan seorang pelajar kami juga terpilih dalam temu ramah Perdana Menteri Australia pada Jun depan," katanya.

"Jika di peringkat antarabangsa sekolah mampu menjuarai pertandingan, apatah lagi dalam negara dan Putrajaya sendiri. SAS digeruni oleh pihak lawan kerana sering mendapat tempat pertama," katanya.

SAS juga kata Roslan, mempunyai bidang kebitaran kokurikulum yang



membezakannya dengan sekolah harian lain, antaranya sukan ragbi dan orkestra.

Katanya, pasukan sekolah itu sudah dua kali menjuarai Kejuhanan Piala Premier Zon Tengah (2006 dan 2008) dan naib johan Piala Premier peringkat kebangsaan pada 2008. Setiap tahun seorang pemain SAS pasti berjaya mewakili Malaysia.

"Pasukan orkestra muncul johan enam kali daripada

“*Jika di peringkat antarabangsa sekolah mampu menjuarai pertandingan, apatah lagi dalam negara. SAS digeruni oleh pihak lawan kerana sering mendapat tempat pertama”*

Roslan Hassan
Guru Penolong Kanan Akademik SAS

sembilan pertandingan Wind Orchestra SBP. SAS juga pernah menyertai *Summer Festival* di Jeju, Korea pada 2001 dan Julai 2008, pasukan *Wind Orchestra* menggondol anugerah perak dalam *Singapore International Band Festival*.

Selain gah kokurikulum, SAS terkenal dengan keceMERLANGAN akademiknya. Penilaian Menengah Rendah (PMR) baru-baru ini mem-



Pelajar SAS ketika mewakili Malaysia ke International Mathematical Olympiad di Hanoi, Vietnam.

perlihatkan kejayaan hebat buat sekolah itu apabila meraih 82.7 peratus iaitu 137 pelajar lulus semua mata pelajaran.

"Bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pula, SAS antara sekolah terbanyak pelajar lulus semua A1 iaitu 55 orang dengan purata 1.66," katanya.

Roslan berkata, SAS akan memastikan pencapaian akademik seiring dengan kejayaan kokurikulum. Justeru

pelbagai program dibuat dalam usaha menjadikan pelajar cemerlang dalam pelajaran mereka.

"Antaranya Program Prep Bestari yang mewajibkan pelajar mengulang kaji pelajaran secara bebas dan membuat kerja sekolah pada waktu malam di asrama. Kelas tambahan diadakan selepas waktu sekolah iaitu pada Isnin, Selasa dan Khamis," katanya.

Selain itu, katanya, program 'I See You' juga diwujudkan sepanjang tahun sebagai usaha memulihkan pelajar yang lemah dalam subjek Sains, Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi.

Roslan berkata, melihat kepada pencapaian SAS, tidak hairanlah ramai ibu bapa berlumba-lumba menghantar anak mereka ke sekolah SBT ini.